

LATIHAN PERIBAHASA MELAYU (BIDALAN)

Isikan tempat kosong dalam setiap ayat di bawah dengan bidalan yang sesuai.

Belakang parang diasah lagiakan tajam	Mandi biar basah, berdakwat biar hitam
Berani malu, takut mati	Berani kerana benar, takut kerana salah
Lukanya hilang, parutnya tinggal juga	Orang berbudi kita berbahasa

1. Fahmi tidak takut untuk berdepan dengan guru disiplin walaupun dituduh oleh kawan-kawan yang dia menggores kereta guru kelasnya kerana baginya _____.
2. Peter yakin dia akan berjaya dalam pelajarannya jika dia berusaha walaupun dia seorang yang agak lembap di dalam kelas kerana dia percaya _____.
3. Ketika Abu ponteng sekolah bersama-sama rakannya tidak difikirkan akibatnya, setelah diketahui oleh bapanya barulah dia rasa menyesal, bak kata bidalan _____.
4. Selagi projek yang ditugaskan oleh Cikgu Salmi belum selesai, Wafiq tidak berhenti menyiapkannya kerana baginya _____.
5. Walaupun peristiwa Dama menengking ibunya di hadapan khalayak ramai telah lama berlaku dan Dama telah pun meminta maaf, namun ibunya masih lagi berkecil hati, benarlah kata orang _____.
6. "Kita haruslah rasa bersyukur dan berterima kasih kepada Pak Cik Liman kerana telah banyak membantu kita sekeluarga, orang kata _____", kata ayah kepada abang.